

MEMO

Kepada : **SEMUA MAHASISWA DAN MAHASISWI UNISEL**
Daripada : Unit Peperiksaan dan Unit Pentadbiran & Disiplin, HEP
No. Rujukan : UNISEL/HEP13/201-BJ (38) JLD.1
Tarikh : 25 April 2013

PANDUAN PEPERIKSAAN AKHIR JANUARI 2013 (1/13/34)

1.0 TATACARA PEPERIKSAAN AKHIR

- 1.1 Pelajar dinasihatkan supaya berada di luar Dewan dan/atau Bilik Peperiksaan yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat dalam Jadual Peperiksaan tidak lewat daripada TIGA PULUH (30) minit sebelum peperiksaan bermula.
- 1.2 Pelajar wajib membawa :-
 - a. **Slip Kebenaran Peperiksaan (dicetak menerusi portal pelajar)**
 - b. **Kad Matrik dan Kad Pengenalan** ke Dewan/Bilik Peperiksaan dan hendaklah diletakkan disudut kiri meja peperiksaan untuk diperiksa oleh Pengawas Peperiksaan.
- 1.3 Pelajar yang tidak membawa Slip Kebenaran Peperiksaan dan Kad Matrik **tidak dibenarkan mengambil peperiksaan.**
- 1.4 Pelajar hendaklah masuk dan keluar dari Dewan dan/atau Bilik Peperiksaan **dalam keadaan tertib dan teratur.**
- 1.5 Pelajar tidak dibenarkan sama sekali membawa apa-apa buku, kamus, kertas, gambar, nota, alat yang terdapat catatan bertulis, kalkulator berprogram, alat komunikasi atau sebarang alat keculi yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas ke dalam bilik/Dewan Peperiksaan, atau menerima barang-barang tersebut daripada mana-mana orang semasa berada di dalam Dewan/Bilik Peperiksaan keculi yang diberikan oleh pengawas sepertimana yang dibenarkan oleh Naib Canselor atas syor Pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa.
- 1.6 Semua kerja peperiksaan termasuk kerja percubaan (rough work) hendaklah dibuat dalam buku dan/atau kertas jawapan yang disediakan.
- 1.7 Pelajar dilarang keras merujuk dan/atau menggunakan sebarang bahan rujukan berbentuk elektronik atau cetak di dalam atau di luar Dewan/ Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan.

1.8 Pelajar tidak boleh memberi atau menerima sebarang bantuan daripada pelajar atau pihak lain yang berkaitan dengan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan kecuali yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.

2.0 SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- (a) Mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang semasa dalam bilik peperiksaan kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;
- (b) Menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;
- (c) Berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- (d) Menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan sedang berjalan ; atau

3.0 TATACARA PEMAKAIAN DAN RUPA DIRI

- 3.1 Pelajar dikehendaki berpakaian dan memiliki rupa diri seperti yang termaktub di dalam “ **Buku Peraturan Tata tertib Pelajar Universiti Selangor**”, perlu dibaca sekali pada subseksyen peraturan etika penampilan pelajar.
- 3.2 **Calon yang engkar mematuhi sahsiah rupa diri (seperti di bawah) yang termaktub di dalam pekeliling Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti boleh dihalang dari menduduki peperiksaan.**

Siswa

- Mempamerkan kad pelajar
- Berbaju kemeja atau berkolar
- Bawah hujung baju dimasukkan ke dalam seluar
- Berseluar panjang, sopan dan kemas
- Berambut pendek, kemas dan tidak berwarna
- Tidak berselipar, bertatoo, bertindik, bergelang atau berantai

Siswi

- Mempamerkan kad pelajar
- Berpakaian kemas dan sopan
- Digalakkan berbaju kurung pada hari Jumaat
- Tidak memakai baju T singkat atau ketat
- Tidak memakai skirt pendek atau seluar yang ketat
- Tidak mewarnakan rambut
- Tidak berselipar, bertatoo

4.0 HUKUMAN

4.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

(a) Gred "X" akan diberikan kepada SEMUA KURSUS yang diambil oleh pelajar tersebut pada semester berkenaan;

(b) Pelajar tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib;

(c) Pelajar yang didapati bersalah akan dihukum berdasarkan peraturan Universiti.

5.0 JADUAL PERJALANAN BAS SEMASA MINGGU PEPERIKSAAN

5.1 Pelajar diberi peringatan untuk mematuhi jadual bas yang telah ditetapkan oleh pihak universiti sepanjang tempoh Peperiksaan Akhir.

Peperiksaan Sesi Pagi (9 Pagi)

| 29 April – 17 Mei 2013 | | |
|------------------------|-----------------------------------|---------------------------|
| Masa | Bilangan Bas / Lokasi | |
| | Kota Puteri / Bandar Tasik Puteri | Taman Ilmu / Bukit Minyak |
| 7.00 Pagi | 5 | 1 |
| 8.00 Pagi | 5 | 1 |

Peperiksaan Sesi Petang (2.30 Petang)

| 29 April – 17 Mei 2013 | | |
|------------------------|-----------------------------------|---------------------------|
| Masa | Bilangan Bas / Lokasi | |
| | Kota Puteri / Bandar Tasik Puteri | Taman Ilmu / Bukit Minyak |
| 11.00 Pagi | 5 | 1 |
| 12.00 Tghri | 5 | 1 |
| 1.00 Petang | 5 | 1 |

Jadual di atas adalah masa **pengambilan pelajar dari lokasi penginapan kolej kediaman ke UNISEL. Dan masa pulang adalah seperti biasa.**

5.2 **Pelajar dinasihatkan untuk keluar AWAL** dari kolej kediaman untuk mengambil bas pada masa yang telah ditetapkan untuk mengelakkan masalah lambatan dan juga pergerakan ke lokasi Bilik / Dewan Peperiksaan.

Untuk Maklumat lanjut sila hubungi =

Unit Peperiksaan : 03-3280 5022

Unit Kenderaan : 03-3280 5050